

16 JAN 1996

JAWATANKUASA DISIPLIN TENTUKAN KEDUDUKAN SHAHRIL DAN KAHAR

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- Jawatankuasa Disiplin UMNO akan menentukan kedudukan bekas Ketua UMNO bahagian Johor Baharu, Datuk Shahril Samad dan anggota UMNO bahagian Muar, Kahar Ahmad kerana melanggar disiplin parti.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Jawatankuasa itu akan melaporkan kembali kepada Majlis Tertinggi (MT) mengenai sebarang keputusan yang akan dicapai mengenai kedua-duanya.

Shahril dan Kahar dikenakan tindakan disiplin kerana tidak memainkan peranan untuk membantu Barisan Nasional pada pilihan raya umum tahun lepas.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT parti di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, malam tadi, katanya, MT juga bersetuju supaya UMNO membuka satu halaman dalam Internet.

Kata Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO, selain itu mesyuarat juga membincangkan mengenai sambutan ke-50 parti yang akan diadakan tahun ini.

Menurutnya, perayaan ke-50 itu agak besar dan antara program yang disediakan termasuk larian membawa bendera, muzium galeri UMNO, pelancaran buku Wanita UMNO dan ekspo perniagaan tokoh-tokoh Melayu.

Katanya, acara lain ialah majlis tahlil, rapat umum, konvensyen pertubuhan-pertubuhan Melayu dan majlis Makan Malam pada 11 Mei.

Beliau juga berkata Perhimpunan Agung UMNO telah ditetapkan dari 3 hingga 5 Oktober depan. -- Bernama.